

**TEKS UCAPAN  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MAJLIS PERASMIAN PROJEK PENGGOMPOSAN  
TAMAN PANDAN  
10 SEPTEMBER 2016 (SABTU), 7.30 PM**

---

**Yang Berhormat Tuan Phee Boon Poh**

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar.

**Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud**

Tuan Setiausaha Perbandaran MPSP

**Yang Berusaha En.Lim Teik Thye**

Pengerusi Perbadanan Pengurusan Taman Pandan

Ketua - ketua Jabatan

Penghuni-penghuni Taman Pandan

Rakan - rakan Media

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

.....  
Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana sudi menjemput saya ke Majlis Perasmian Projek Pengkomposan Taman Pandan pada hari yang berbahagia ini.

Para Hadirin yang dihormati sekalian,

Bagi makluman semua, Pengurusan Taman Pandan Butterworth telah mula mengumpul barangan kitar semula sejak Januari, 2002 sehingga kini. Selama 15 tahun sebanyak 237.829 tan barangan kitar semula berjaya dikutip dan jumlahnya adalah RM52,683.00. Terima kasih kepada pengurusan kerana sudi mengambil bahagian dalam program kitar semula bersama MPSP.

Mulai Ogos 2004, pengkomposan menggunakan pasu bunga dan lubang dijalankan secara kecil-kecilan sehingga pada Januari 2007 pusat kompos telah dibina. Bagi tahun 2014 hingga sekarang iaitu selama 2 ½ tahun, jumlah sisa organik dikutip ialah sebanyak 38.821 tan. Keterbukaan pihak Pengurusan Taman Pandan dalam menerima MPSP untuk menjalankan program sisa sifar merupakan satu langkah permulaan yang penting untuk membentuk sebuah komuniti yang lestari.

Sisa sifar merupakan satu elemen yang penting kerana semakin kurang sampah yang dihasilkan, maka kita dapat memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan sampah yang sedia ada iaitu di Pulau Burung. Lebih

daripada 50 % sampah yang dibuang oleh penduduk Seberang Perai merupakan sisa domestik. Jika kita dapat menjalankan kitar semula dan pengkomposan, ia dapat mengurangkan banyak sampah yang dihantar ke tapak pelupusan. Oleh itu, kerjasama diantara komuniti seperti Pengurusan Taman Pandan dan MPSP dalam program-program seperti ini amat dialu-alukan kerana ia memupuk satu ikatan kearah mewujudkan betapa pentingnya kita mengurangkan penjanaaan sisa pepejal atau sampah sarap.

MPSP telah memulakan kempen program sisa sifar pada tahun 2010. Sasaran bagi program ini adalah sekolah-sekolah, kilang dan komuniti. Untuk menjayakan kempen Program Sisa Sifar ini, konsep 4R telah diperkenalkan, iaitu *Rethink, Reduce, Reuse dan Recycle*. Konsep ini mengajak masyarakat berfikir terlebih dahulu sebelum menghasilkan sampah.

Jika dilihat dari penglibatan komuniti, Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Taman Pandan telah menjadi johan anugerah komuniti mampan bagi tahun 2014 dan 2015. Bukan itu sahaja, Perbadanan Pengurusan Taman Pandan juga kini menjadi mentor kepada sekolah dan komuniti setempat serta menerima kunjungan dari UNEP, CCAC, Bank Dunia dan juga dari luar Negara. Puan Loh Poh Chen bukan sahaja membantu di Tam,an Pandan bahkan membantu MPSP dalam melaksanakan program bengkel sekolah hijau.

Para hadirin yang dihormati,

Langkah yang diambil oleh Pengurusan Perbadanan Taman Pandan ini adalah selaras dengan Dasar Pengasingan Sisa di Punca yang dilaksanakan. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung.

Bermula 1 Jun 2016, pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca telah dijalankan. MPSP bertanggungjawab dalam memungut sisa kitar semula bagi kawasan taman perumahan.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka sebelum dilupuskan kepada dua ketegori iaitu, barang kitar semula dan sisa domestik. Kaedah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah. Kaedah ini dipilih kerana mudah dilaksanakan dan mudah diterima oleh masyarakat.

Menguruskan sisa bukanlah satu kerja yang mudah, kerana ia memerlukan kerjasama antara semua iaitu penduduk dan pihak MPSP sendiri. Setiap hari, sekitar 1,800 tan sisa dari negeri Pulau Pinang dilupuskan di Pulau Burung dengan kadar pecahan 1100 tan daripada

MPSP, manakala 700 tan daripada MBPP. Lama kelamaan, tapak pelupusan ini akan penuh dan tapak baru harus dikenal pasti dan disediakan untuk menampung sisa negeri. Mencari tapak baru di negeri Pulau Pinang untuk tapak pelupusan sampah baru adalah mencabar kerana tanah adalah terhad dan mahal.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa pepejal dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang di hantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Kadar kitar semula di Pulau Pinang merupakan kadar kitar semula yang tertinggi di Malaysia iaitu 32% dan kadar kitar semula MPSP adalah 39%. Ini telah melebihi kadar sasaran iaitu 20% yang ingin dicapai diperingkat kebangsaan menjelang 2020. Walau bagaimanapun, kadar ini masih rendah jika dibandingkan dengan negara-negara maju.

Diharapkan dengan aktiviti kitar semula dan pengkomposan ini, ianya dapat merealisasikan motto Negeri Pulau Pinang dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai "*Cleaner Greener Penang*".

Program pengkomposan ini secara langsung dapat mendidik penghuni Taman Pandan khususnya, dan masyarakat amnya, untuk menjadikan pengasingan sisa di punca dan pengkomposan sebagai satu amalan harian. Bermula dari tempat kerja, hinggalah ke dalam institusi kekeluargaan maka pengemblengan kedua-dua institusi ini pasti dapat menjadikan Seberang Perai dan sekaligus Pulau Pinang sebuah negeri yang mengamalkan program sisa sifar dengan jayanya.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh

Sekian, terima kasih.